

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 10 JUN 2014(SELASA)

SOALAN : 37

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mengapa kelajuan internet di Malaysia adalah antara yang terendah di Asia dan di dunia dengan hanya 5.5Mbps berbanding purata ASEAN 12.4Mbps dan purata global 17.4Mbps.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Data daripada ujian kelajuan jalur lebar yang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu seperti Ookla Net Index adalah bergantung kepada kaedah atau metodologi pengukuran yang digunakan. Ujian kelajuan oleh Ookla Net Index adalah berdasarkan kepada pakej yang dilanggan dan kebanyakan langganan di Malaysia adalah di bawah 5Mbps. Jumlah pelanggan yang melanggan pakej jalur lebar dengan kelajuan tinggi akan mempengaruhi kadar purata kelajuan Internet yang diukur oleh Ookla Net Index. Bagi Malaysia, pakej yang ditawarkan adalah antara

SOALAN NO: 37

1Mbps hingga 100Mbps dan terdapat 6.4 juta pelanggan jalur lebar. Malaysia mempunyai pembahagi (denominator) yang jauh lebih besar jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain yang mana perkhidmatan jalur lebar mereka adalah tertumpu kepada lokasi tertentu yang membolehkan mereka melaksanakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi berbanding Malaysia yang menyediakan liputan jalur lebar secara lebih menyeluruh iaitu hampir 80% kawasan berpenduduk.

Pihak Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia kesepuluh (RMKe-10) telah melaksanakan projek rangkaian teras berasaskan gentian optik di Sabah dan Sarawak bagi memperluaskan capaian jalur lebar di kawasan luar bandar. Projek ini telah menyediakan 76 sambungan teras dengan kapasiti 1Gbps bagi setiap sambungan dan telah siap dilaksanakan pada tahun 2013. Projek ini akan diteruskan di Semenanjung Malaysia dan akan dilaksanakan dalam tahun ini.

Sebagai tambahan, pihak penyedia perkhidmatan turut melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan kelajuan perkhidmatan Internet di negara ini. Antara usaha yang sedang dilaksanakan ialah menaik taraf sambungan teras tapak-tapak pemancar menggunakan rangkaian gentian optik, membangunkan lebih banyak rangkaian LTE dan meningkatkan kelajuan sambungan jalur lebar talian tetap sehingga 8Mbps.

Dengan adanya pelbagai inisiatif yang telah dirancang ini, kelajuan Internet di negara ini akan dapat ditingkatkan dan seterusnya memperbaiki kedudukan negara di peringkat antarabangsa. Pihak Kerajaan akan terus memantau dan meningkatkan tahap perkhidmatan Internet di negara ini dari semasa ke semasa.